

KENDERAAN TENGCELAM

■ Hujan lewat petang perangkap pemilik kereta di pusat bandar raya

Oleh Fardy Bungga, Mohamad Azim Fitri Abd Aziz dan Mohd Rizal Abdullah
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Lebih seratus kenderaan yang ditinggalkan di kawasan meletakkan kenderaan berhampiran Jalan Kia Peng di sini, rosak sama sekali selepas ditenggelami banjir kilat yang melanda ibu kota petang semalam.

Dalam kejadian jam 4.30 petang itu, kebanyakan pemilik kenderaan yang juga pekerja di sekitar kawasan itu tidak sempat berbuat apa-apa berikutan banjir kilat berlaku mendadak dan air naik sehingga paras lebih 0.4 meter.

Kejadian banjir berhampiran Menara Berkember PETRONAS itu menyebabkan enjin semua kenderaan ditenggelami air sekaligus menggagalkan usaha pemilik kenderaan untuk menyelamatkan kenderaan masing-masing.

Banjir kilat yang pernah berlaku beberapa kali di lokasi sama sebelum ini dianggap terburuk oleh beberapa mangsa yang didakwa berpunca dari sistem perparitan kurang sempurna

di kawasan itu.

Salah seorang mangsa, Wong Chee Wai, 37, berkata, dia tidak menyangka hujan lebat bermula jam 4 petang itu boleh menyebabkan kejadian banjir kilat di kawasan itu.

"Sejurus dimaklumkan pengawal keselamatan di kawasan itu, saya bergegas cuba menyelamatkan kereta Proton Perdana milik saya yang diletakkan di situ.

"Malangnya enjin kereta itu yang ditenggelami banjir rosak dan gagal dihidupkan. Beratus lagi kereta yang diletakkan di kawasan meletak kenderaan itu turut mengalami nasib sama," katanya ketika ditemui wartawan Harian Metro di lokasi kejadian.

Menurutnya, dia terpaksa menghubungi pekerja trak penunda untuk menghantar keretanya ke bengkel untuk dibaiki.

Sementara itu, seorang pengawal keselamatan warga Nepal yang bertugas menjaga kawasan meletak kenderaan itu mendakwa sudah memaklumkan kepada beberapa penyelia bangunan berhampiran namun banjir berlaku amat pantas.

Menurutnya, banjir kilat

di kawasan itu kembali surut kira-kira jam 6.45 petang selepas hujan berhenti.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur Azizan Ismail ketika dihubungi berkata, pihaknya tidak menerima sebarang laporan mangsa terperangkap akibat bencana banjir kilat petang semalam.

"Pihak bomba hanya menerima panggilan berhubung kejadian pokok tumbang di Jalan Ipoh berhampiran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul," katanya.

STATUS TABURAN HUJAN DI KUALA LUMPUR SEMALAM

Stesen	Bacaan
Kampung Cheras Baru	32mm (normal)
Taman Desa	11mm (normal)
Genting Sempah	2mm (normal)
Jinjang	40mm (normal)
JPS Ampang	75mm (normal)
JPS Wilayah	53mm (normal)
Pandan Indah	43mm (normal)
Air Panas	62mm (normal)
Sungai Batu di Empangan Batu	25mm (normal)

Sumber: Public InfoBanjir Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

